

01/07/1999

MAS bina Taman Aeroangkasa

Wan Sabariah Shikh Ali

PENERBANGAN Malaysia (MAS) sudah menerima kelulusan Kabinet bagi rancangannya membangunkan sebahagian lapangan terbang antarabangsa lama di FSubang sebagai Taman Aeroangkasa.

Pengerusi MAS, Tan Sri Tajudin Ramli, berkata pembangunan pusat pembaikan pesawat dan pengeluaran alat ganti akan dibangunkan secara usaha sama di antara anak syarikatnya, Naluri Bhd (Naluri) dan beberapa syarikat asing berkepakaran tinggi.

Antaranya ialah syarikat pembuat enjin pesawat Amerika Syarikat, Rolls Royce dan General Electric (GE) bagi membaik pulih enjin pesawat, Allied Signal untuk membaik pulih unit tenaga sokongan dan United Technologies bagi membaik pulih alat mesra alam.

"Kita sedang berusaha mendapatkan kelulusan Kerajaan Negeri Selangor dan pihak berkuasa tempatan sebelum projek ini boleh dilaksanakan," katanya pada sidang akhbar selepas mesyuarat agung tahunan Naluri di Kuala Lumpur, semalam.

Taman Aeroangkasa MAS itu akan dibangunkan di sebahagian daripada Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah membabitkan kawasan seluas 76 hektar.

Sebelum ini, beliau dilaporkan berkata, semua pesawat MAS, termasuk 60 peratus daripada komponen teknologi tinggi dalam pesawat berkenaan serta pelanggan GE di Asia Pasifik kini dibaik pulih di pusat teknikal MAS berharga RM327.5 juta di Subang.

Tajudin berkata, langkah membangunkan projek aeroangkasa itu sebahagian daripada inisiatif MAS menjadikan industri aeroangkasa negara bersaing secara global.

Ia juga adalah sumbangan MAS dalam menjayakan Pelan Induk Industri Aeroangkasa Kebangsaan, satu inisiatif oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Selain MAS, Kumpulan Guthrie Bhd juga merancang membina taman aeroangkasa di Subang. Projek Taman Aeroangkasa Guthrie yang dijangka menempatkan antaranya kemudahan penyelenggaraan pesawat yang dijangka siap dalam tempoh tiga atau empat tahun lagi.

Syarikat multinasional itu sudah menyiapkan kertas cadangan pembangunan pusat berharga kira-kira RM1.9 bilion.

Pada sidang akhbar yang sama, Tajudin berkata, pihaknya sentiasa berbincang dengan kerajaan mengenai kadar kerugian yang ditanggung MAS daripada operasi penerbangan dalam negara.

Katanya, MAS menanggung kerugian kira-kira RM1 juta sehari atau RM365 juta setahun kerana kadar tambang yang rendah.

Beliau bagaimanapun enggan mengulas lanjut antara cadangan yang dikemukakan kepada kerajaan bagi mengatasi kerugian itu.

"Kita perlu mencari formula yang sesuai, mungkin tidak hanya membabitkan keuntungan tetapi dari aspek lain perniagaan," katanya.

Menurutnya, MAS bernasib baik kerana kerugian dalam negara diimbangi kekukuhan perkhidmatan antarabangsanya.

(END)